

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

OPERASI MEMBANTERAS PENJUALAN SERBUK PENCUCI PAKAIAN TIRUAN SECARA TRANSAKSI DALAM TALIAN

PUTRAJAYA, 22 Julai 2020 - Satu operasi untuk membanteras penjualan barang-barang tiruan melalui transaksi dalam talian telah dijalankan di sebuah rumah kediaman di Cheras, Kuala Lumpur yang melibatkan seramai lima (5) orang Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (KPDNHEP) Ibu Pejabat Putrajaya.

Operasi ini dijalankan hasil daripada maklumat yang diterima daripada pengadu (wakil pemilik cap dagang berdaftar *TOP*) serbuk pencuci pakaian berkaitan penjualan barang-barang tiruan melalui transaksi dalam talian di media sosial *Facebook*.

Modus Operandi (MO) peniaga barang tiruan ini ialah dengan mengiklankan produk serbuk pencuci pakaian jenama *TOP* tiruan dengan harga yang lebih murah bagi menarik perhatian pembeli. Pengadu berjaya mengesan lokasi tempat pengedaran selepas membuat pesanan dalam talian. Peniaga barang tiruan tersebut telah membekalkan alamat untuk mengambil barangan yang dipesan (*self collection*). Rentetan dari urus niaga tersebut pengadu telah membuat perbandingan dengan serbuk pencuci *TOP* yang asli. Setelah mengenal pasti produk yang dibeli adalah tiruan, pengadu telah membuat aduan kepada Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP untuk tindakan yang selanjutnya.

Pemeriksaan telah dijalankan di sebuah premis kediaman di Cheras Kuala Lumpur telah menemukan sebanyak 651 unit serbuk pencuci jenama *TOP*. Hasil daripada verifikasi awal yang dijalankan oleh wakil pemilik cap dagang berdaftar mendapati serbuk pencuci tersebut disyaki tiruan. Perbandingan serbuk pencuci tiruan dan asli mendapati dari segi pembungkusan serbuk pencuci tiruan yang berkualiti rendah dan terdapat kesalahan ejaan pada kotak pembungkusan. Kesemua barang-barang tersebut telah di rampas untuk siasatan lanjut dan nilai rampasan dianggarkan berjumlah **RM 4,882.50**.

Kes disiasat dibawah seksyen 102 (1) (c) Akta Cap Dagangan 2019 iaitu mempunyai dalam milikan bagi maksud perdagangan barang-barang yang suatu cap dagangan berdaftar dipakaikan dengan salah. Jika di sabitkan kesalahan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- (i) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, **didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit** bagi setiap barang-barang yang dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar itu, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, **didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit** bagi setiap barang-barang yang dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar; atau
- (ii) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, **didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit** bagi setiap barang-barang yang dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar atau **dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya**, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, **didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit** bagi setiap barang-barang yang dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar atau **dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya**.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Dato' Iskandar Halim Bin Hj. Sulaiman mengingatkan para peniaga agar lebih bertanggungjawab dan menghormati harta intelek orang lain dan memberi amaran kepada mana-mana individu mahupun syarikat supaya tidak melanggar undang-undang, terutama membabitkan penjualan dan pendedaran barangan tiruan dalam talian bagi mengelak dikenakan hukuman berat mengikut undang-undang.

Beliau menggesa orang ramai supaya lebih berhati-hati dan bijak memilih barangan berjenama di pasaran agar tidak terpedaya dengan taktik sesetengah peniaga yang tidak beretika dan cuba mengambil keuntungan dengan mudah. Orang ramai disarankan agar menyalurkan maklumat kepada Kementerian ini dengan melaporkan kegiatan ini melalui hotline 1-800-886-800 atau 03- 8882 6088 di *Enforcement Command Centre* (ECC) atau di atau hadir sendiri ke mana – mana pejabat KPDNHEP yang berhampiran.

###

DATO' HAJI ISKANDAR HALIM BIN SULAIMAN

Pengarah Bahagian Penguatkuasa

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampai sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

